



## SIARAN AKHBAR PRESS STATEMENT

S.A. 2014/06/51 (HQ)

### AMALKAN KECEKAPAN TENAGA KETIKA EL NINO

- **Beban elektrik meningkat dua peratus ketika El Nino terdahulu**
- **permintaan puncak pada 16,583 MW pada 28 Mei 2014**

**Tenaga Nasional Berhad (TNB)** ingin menasihatkan para pengguna supaya mengamalkan langkah-langkah kecekapan tenaga semasa cuaca panas dan kering sekarang serta ketika fenomena El Nino yang bakal melanda negara tidak lama lagi.

“Berdasarkan pengalaman El Nino pada tahun 2009, beban elektrik meningkat dua peratus dari ramalan. Oleh itu, El Nino dijangka meningkatkan penggunaan elektrik di bulan-bulan yang akan datang,” kata Pengurus Besar (Komunikasi Korporat) TNB, Omar Sidek.

Malaysia mencatatkan permintaan puncak (untuk elektrik) tertinggi dalam sejarah pada 16,583 MW, dicapai pada 28 Mei 2014. Penggunaan elektrik berada pada tahap puncak antara jam 2:00 hingga 5:00 petang setiap hari.

“Bahang El Nino telah pun dirasakan dengan cuaca panas melampau dan kurangnya taburan hujan pada masa ini. Suhu atmosfera yang tinggi lazimnya akan menyebabkan penggunaan elektrik yang lebih,” katanya.

Omar menjelaskan penggunaan elektrik dijangka terus meningkat semasa El Nino kerana cuaca panas terik menyebabkan penggunaan pendingin hawa dan kipas secara ekstrem di kilang-kilang, premis perniagaan, pejabat dan kawasan kediaman, katanya.

Fenomena El Nino (kemarau teruk) yang berlaku sebelum ini juga menyebabkan penurunan tahap air serta menyekat kuasa hidro dari diguna secara sepenuhnya berbanding janakuasa gas dan arang batu.

Antara langkah-langkah kecekapan tenaga yang digalakkan ketika cuaca panas dan kering ialah:

1. Melaraskan suhu sistem pendingin hawa di antara 23 ke 25 darjah Celsius
2. Menggosok pakaian pada waktu malam
3. Memasak air atau mengguna mesin basuh di luar waktu puncak
4. Menjalankan operasi pada waktu malam untuk industri yang menggunakan elektrik secara besar-besaran seperti kilang keluli dan simen

Mengulas lebih lanjut mengenai penggunaan pendingin hawa, Omar berkata peralatan tersebut mewakili sebahagian besar penggunaan elektrik sebilangan pengguna.

Beliau menyarankan supaya pengguna pendingin hawa mengamalkan tip-tip berikut bagi menjimatkan penggunaan tenaga :

- Menukar atau membersihkan penapis pendingin hawa dengan kerap untuk memaksimumkan potensi penyejukan unit tersebut. Penapis yang kotor menghalang edaran udara dan mengurangkan kecekapan pendingin hawa
- Membuat penyelenggaraan secara kerap kerana ia boleh membantu pendingin hawa beroperasi pada tahap optimum
- Menutup semua pintu dan tingkap serta lubang edaran udara untuk memastikan udara sejuk tidak keluar dari bilik
- Membuka kipas dan menetapkan masa pendingin hawa untuk ditutup pada waktu malam. Kebiasaannya suhu bilik akan mencecah tahap yang selesa selepas beberapa jam pendingin hawa dipasang. Ini kerana, penggunaan kipas adalah lebih murah dan membantu pengedaran udara di dalam bilik

Untuk maklumat lanjut mengenai cara-cara lain menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, sila layari [www.tnb.com.my](http://www.tnb.com.my).

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada Selasa, 24 Jun 2014**

*Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Md. Derus Bunchit (019-2662296) atau*

*Maizatul Nadiyah Saadon (017-3816602)*

*E-mel: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*